



سْتِيَاوْسَهَا كَرَاجَانْ نَكَرِي كَلَنْتَنْ  
YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

Ruj. Kami : SUK D200(01)747/7 Jld. 59 (93)  
Bertarikh : 02 Rabiul Akhir 1442H  
Bersamaan : 18 November 2020

Kemajlis:-

**Sebagaimana lampiran berkembar**

**ARAHAN UNTUK MELAKSANAKAN LANGKAH-LANGKAH TAMBAHAN BAGI MEMBENDUNG PENULARAN PANDEMIK COVID-19 DI NEGERI KELANTAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita saya maklumkan bahawa sebagai langkah proaktif bagi membendung penularan pandemik Covid-19 di Negeri Kelantan mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan yang diadakan pada hari ini 02 Rabiul Akhir 1442H bersamaan dengan 18 November 2020 telah membuat keputusan bersetuju untuk mengambil langkah-langkah sebagaimana berikut sebagai tambahan kepada aktiviti dan protokol sedia ada yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara Malaysia sebelum ini iaitu:-

- 2.1. Semua operasi premis-premis perniagaan adalah dihadkan sehingga jam 11:30 malam sahaja.
- 2.2. Operasi stesen minyak dan kedai runcit di stesen minyak adalah dihadkan sehingga jam 12:00 malam sahaja.
- 2.3. Bilangan pelanggan di kedai makan hendaklah dihadkan secara maksimanya hanya 4 orang sahaja bagi satu meja makan tertakluk kepada penjarakan 1 meter bagi setiap pelanggan dan 2 meter bagi setiap meja makan.
- 2.4. Semua acara yang melibatkan majlis keramaian seperti majlis perkahwinan dan lain-lain adalah dihadkan kepada jumlah 150 orang sahaja pada satu-satu masa tertakluk kepada keluasan kawasan yang membolehkan diadakan penjarakan 1 meter antara individu.
- 2.5. Semua majlis keramaian tersebut hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu kepada Polis DiRaja Malaysia sekurang-kurangnya 5 hari sebelum majlis berkenaan diadakan.
- 2.6. Semua acara sukan atau latihan yang boleh melibatkan aktiviti yang bersentuhan antara satu sama lain adalah tidak dibenarkan.


3. Sehubungan dengan itu semua Pihak Berkuasa Tempatan adalah diminta untuk memberikan kerjasama dan bersama-sama dengan pihak Polis DiRaja Malaysia untuk melaksanakan penguatkuasaan kepada langkah-langkah di atas.

Sekian, terima kasih.

\* RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT. NEGERI BERKAT \*

\* MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN \*

Dengan hormatnya,

  
**DATO' KAYA SETIA**  
**DATO' NAZRAN BIN MUHAMMAD, P.J.N., S.P.S.K. (Kelantan)**

Salinan kepada:-

- Yang Berbahagia Dato' Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan
- Yang Dihormati Ketua Polis DiRaja Malaysia Kontinjen Kelantan
- YABrs. Pengarah Majlis Keselamatan Negara Negeri Kelantan
- YABrs. Pengarah Penyiaran Negeri Kelantan
- YBrs. Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat SUK Kelantan
- YABrs. Pengarah Pembangunan Negeri Kelantan
- YBrs. Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan

Dato' Menteri Besar Kelantan

**Senarai Lampiran Berkembar:-**

- YABrs. Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam
- YABrs. Yang DiPertua Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam
- YBhg. Dato' Yang DiPertua Majlis Daerah Gua Musang
- YABrs. Yang DiPertua Majlis Daerah Pasir Mas
- YABrs. Yang DiPertua Majlis Daerah Tanah Merah
- YABrs. Yang DiPertua Majlis Daerah Kuala Krai
- YABrs. Yang DiPertua Majlis Daerah Dabong
- YABrs. Yang DiPertua Majlis Daerah Pasir Puteh
- YABrs. Yang DiPertua Majlis Daerah Machang
- YABrs. Yang DiPertua Majlis Daerah Tumpat
- YABrs. Yang DiPertua Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam
- YABrs. Yang DiPertua Majlis Daerah Jeli